

KUALITI

JULAI - DISEMBER 2025

AUDIT PENSIJILAN SEMULA ISO 9001:2015

Skop Audit: Pengurusan Korporat Universiti Awam

MAJLIS KEMUNCAK BULAN INOVASI DAN KUALITI 2025

Ledakan Kreativiti

1ST VIRTUAL INTERNATIONAL CONFERENCE ON QUALITY AND INNOVATION IN HIGHER EDUCATION (ViQHE)

*Enhancing Quality and Innovation for a
Sustainable Higher Education Ecosystem*



eISSN 2976-2596



9772976259003

INSTITUT KUALITI DAN PENGEMBANGAN ILMU (InQKA)

Audit Dalam Korporat ISO 9001:2015 Bil. 6/2025

Kepimpinan Teras Kompetensi PTj



Disediakan oleh: Ts. Syed Harun Said Mohd

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah melaksanakan Audit Dalam Korporat ISO 9001:2015 Bil. 6/2025 dengan tema “Kepimpinan Teras Kompetensi PTj”. Audit ini dijalankan terhadap 16 Pusat Tanggungjawab (PTj) dan melibatkan 38 orang Auditor pada 27 dan 28 Ogos 2025, manakala satu lagi PTj akan diaudit pada 2 hingga 3 September 2025.

Pelaksanaan audit dimulakan dengan Mesyuarat Pembukaan pada 27 Ogos 2025 yang disertai seramai 137 orang staf pentadbiran dan akademik. Majlis dirasmikan dengan ucapan aluan oleh YBrs. Profesor Dr. Haslinda Yusoff, Penolong Naib Canselor InQKA, diikuti penerangan auditan oleh YBrs. Prof. Madya Sr Dr. Kartina Alauddin, Ketua Sistem Audit UiTM. Kehadiran yang tinggi ini jelas mencerminkan semangat warga UiTM untuk mengamalkan budaya kualiti dan tadbir urus yang cemerlang.

Audit Dalam Korporat merupakan satu usaha berterusan UiTM bagu memastikan bahawa:

1. Semua operasi universiti mematuhi undang-undang, peraturan dan garis panduan.
2. Proses kerja ditambah baik supaya lebih produktif dan efisien.
3. Risiko dikenal pasti dan ditangani dengan lebih berkesan.
4. Rekod kewangan disemak supaya lebih tepat dan telus.
5. Amalan pengurusan diperkukuh ke arah kecemerlangan institusi.



Secara keseluruhannya, Audit Dalam Korporat Bil. 6/2025 telah memberi nilai tambah yang besar kepada UiTM dalam usaha memperkukuh budaya integriti, meningkatkan keberkesanan sistem pengurusan, serta memastikan universiti terus berdaya saing dan mematuhi piawaian tadbir urus terbaik.

Audit ini diharap dapat menyemai semangat kepimpinan, akauntabiliti, dan profesionalisme dalam kalangan warga UiTM, seiring dengan aspirasi universiti untuk terus melangkah sebagai institusi unggul di persada global.

HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

2026 KUALITI

ALAMAT:

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Blok A, Kompleks Al-Farabi,
Universiti Teknologi MARA, Jalan Ilmu 1/1,
40450, Shah Alam, Selangor

e-ISSN: 2976-2596



UiTM *di hati*  لومها تقوى موليا